

# Kualiti Guru Lepas Ijazah Lulusan MPIK: Beberapa Isu

oleh

**Tan Hui Leng**

Maktab Perguruan Ilmu Khas  
Kuala Lumpur

## ABSTRAK

*Satu kajian telah dijalankan dengan 280 orang guru lepasan ijazah (KPLI), lulusan MPIK 2004, untuk mengenalpasti kualiti guru permulaan dari segi pengetahuan dan kemahiran perguruan. Analisis keputusan peperiksaan guru-guru tersebut menunjukkan bahawa kualiti guru itu adalah sangat memuaskan. Lebih daripada 40 peratus daripada guru itu telah mendapat sijil perguruan cemerlang. Keputusan mereka juga menunjukkan bahawa prestasi guru-guru itu adalah lebih baik dalam pengurusan kokurikulum (GERKO) dan praktikum berbanding dengan prestasi mereka dalam mata pelajaran pengkhususan mereka serta Ilmu Pendidikan. Guru-guru itu adalah lebih mahir dalam praktis (GERKO dan pengajaran dalam bilik darjah) daripada penguasaan teori (mata pelajaran pengkhususan mereka serta Ilmu Pendidikan). Walau bagaimanapun analisis lanjutan menunjukkan bahawa pangkatan sijil perguruan (cemerlang, kepujian dan lulus) yang dianugerahkan lebih merupakan indikator akademik atau penguasaan teori. Isu yang berbangkit ialah guru yang dianugerahkan sijil perguruan cemerlang berkemungkinan tidak cemerlang dalam praktis; pengurusan GERKO dan pengajaran dalam bilik darjah. Perkara ini merupakan suatu indikator bahawa struktur kurikulum perguruan KPLI terlalu mengutamakan teori dari segi wajaran kredit sehingga teori begitu kuat mempengaruhi pangkatan sijil perguruan. Atau pun teori yang diutarakan dalam kuliah perlu lebih berasaskan realiti bilik darjah supaya pengetahuan teori akan berpindah menjadi penguasaan kemahiran mengajar atau amali.*

## 1 Pengenalan

Mulai Januari 2005, seramai 285 pelajar lulusan KDPM dan 160 pelajar lulusan KPLI (SR) telah mula mengajar di sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Seramai 120 pelajar lulusan KPLI(M) pula mula bertugas di sekolah menengah.

Seramai 280 orang guru siswazah (KPLI) telah dilatih oleh MPIK dalam tahun 2004. Kualiti guru KPLI tersebut telah dikaji dengan menganalisis markah peperiksaan mereka. Kajian ini telah dijalankan untuk menentukan *baseline* kualiti pelajar KPLI lulusan MPIK. Maklum balas tentang kualiti guru lulusan MPIK yang akan diperoleh daripada pelanggan sekolah boleh ditafsirkan berbanding *baseline* ini.

## 2. Aspek Kualiti Guru

Kualiti guru permulaan dihuraikan berasaskan prestasi mereka dalam:

- . Markah mata pelajaran pengkhususan (PJK, TESL, Pendidikan Khas dan PSV)
- . Markah Ilmu Pendidikan
- . Markah praktikum
- . Markah GERKO

Empat perkara ini telah digunakan sebagai indikator kualiti kerana markah-markah itu telah menyumbang sebanyak 88% daripada varians yang didapati dalam purata mata gred terkumpul (PMGT), suatu gred yang digunakan untuk menentukan pangkatan sijil (cemerlang, kepujian, lulus) perguruan. Tambahan pula, empat perkara itu adalah berkaitan dengan empat aspek kualiti guru (diri pelajar, pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, pengurusan kokurikulum di sekolah dan pengurusan kerja di sekolah) yang akan dikaji melalui soal selidik LAM-PUP 04-05

## 3. Persampelan

Kajian ini melibatkan pelajar KPLI sahaja. Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri sampel laporan ini dari segi jantina dan mata pelajaran pengkhususan.

**Jadual 1**  
**Ciri-Ciri Sampel Pelajar (Guru Permulaan)**

Ciri-Ciri Pelajar		KPLI (M)	KPLI (SR)	JUMLAH % (N)
Jantina	Lelaki	43	52	<b>33.9 (95)</b>
	Perempuan	77	108	<b>66.1 (185)</b>
Pengkhususan	P. Khas	40	23	<b>22.5 (63)</b>
	PSV	-	20	<b>7.1 (20)</b>
	PJK	20	39	<b>21.1 (59)</b>
	P. Inggeris	38	78	<b>41.4 (116)</b>
	B & K	22	-	<b>7.9 (22)</b>
<b>JUMLAH % (N)</b>		<b>42.9 (120)</b>	<b>57.1 (160)</b>	<b>100 (280)</b>

## 4. Analisis Data

Tiga jenis analisis telah dijalankan. Analisis yang pertama adalah *stepwise regression* untuk menentukan mata pelajaran yang manakah yang paling mempengaruhi PMGT. Seterusnya analisis deskriptif dibuat untuk setiap mata pelajaran yang merupakan pengaruh nilai PMGT. Akhirnya, korelasi antara mata pelajaran tersebut dan PMGT telah dijalankan.

## 5. Rumusan Kualiti Guru Permulaan Lulusan MPIK

### 5.1 Pentafsiran Kualiti

Dua indikator telah digunakan untuk menentukan kualiti guru permulaan:

- Gred A (markah 80 dan ke atas) digunakan sebagai *cut-off*. Pelajar yang mendapati gred A dikategorikan sebagai memuaskan.
- Markah yang didapati oleh 80% daripada pelajar itu ditentukan untuk menunjukkan tahap penguasaan yang dicapai untuk setiap mata pelajaran/ komponen yang dikaji. Markah ini digunakan untuk mengukur kualiti kohort pelajar ini dan akan digunakan untuk membanding kualiti kohort ini dengan kohort yang akan datang.
- Pangkatan sijil perguruan

### 5.2 Pengaruh Utama PMGT

Jadual 2 menunjukkan sejauhmana setiap mata pelajaran/ komponen latihan perguruan mempengaruhi PMGT iaitu pangkatan sijil perguruan. Peratus varians yang didapati untuk setiap mata pelajaran/ komponen latihan perguruan ditentukan melalui *stepwise regression* dan pangkatan telah ditentukan berasaskan peratus varians itu seperti dicadangkan oleh Alicias (2005) sebagai suatu cara penilaian pelajar yang objektif. Pangkatan 1 diberikan kepada mata pelajaran/ komponen latihan perguruan yang menyumbang peratus varians yang terbanyak.

**Jadual 2**  
**Pengaruh Utama PMGT Mengikut Pangkatan**

Mata Pelajaran/ Komponen Latihan	KPLI (M)		KPLI (SR)	
	Varians	Pangkatn	Varians	Pangkatn
Mata Pelajaran Pengkhususan (PJK, TESL, Pend. Khas, PSV)	0.61	1	0.55	1
Ilmu Pendidikan	0.17	2	0.17	2
Praktikum	0.10	3	0.16	3
GERKO	0	4	0.01	4

Mata pelajaran pengkhususan merupakan pengaruh PMGT yang paling kuat diikuti oleh Ilmu Pendidikan, praktikum dan GERKO. Dapatan yang sama diperoleh untuk pelajar KPLI (M) dan KPLI (SR). Dapatan ini adalah selaras dengan struktur kurikulum KPLI di mana wajaran kredit memang paling banyak untuk mata pelajaran pengkhususan (16 kredit atau 39.0% jumlah kredit) diikuti oleh Ilmu Pendidikan (7 kredit atau 17.1% jumlah kredit), praktikum (6 kredit atau 14.6% jumlah kredit) dan GERKO (3 kredit atau 7.3% jumlah kredit). Justeru, prestasi pelajar KPLI dalam empat mata pelajaran/

komponen latihan tersebut digunakan untuk menghuraikan kualiti pelajar sebagai guru permulaan.

### 5.3 Kualiti Pelajar: Amali dan Teori

Prestasi pelajar KPLI(M) dalam matapelajaran pengkhususan, Ilmu Pendidikan, praktikum dan GERKO telah dianalisis secara deskriptif. Min dan sisihan piawai ditunjukkan dalam Jadual 3 bersama dengan peratus pelajar yang memperoleh gred A (markah 80 dan ke atas). Markah minimum yang didapati oleh 80% daripada pelajar itu juga telah ditentukan dan ditunjukkan dalam Jadual 3 sebagai indikator kualiti kohort pelajar KPLI(M) 2004. Jadual 4 menunjukkan kualiti pelajar KPLI (SR).

**Jadual 3**  
**Kualiti Pelajar KPLI(M)**

Mata Pelajaran (N)	Pengkhususan				Ilmu Pendidikan (120)	Praktikum (120)	GERKO (120)
	PJK (20)	TES L (38)	PK (40)	GG (22)			
Min	70.7	74.2	74.8	77.4	72.7	78.2	80.2
Sisihan Piawai	4.51	5.07	3.54	3.15	6.89	7.10	4.23
% Memperoleh A	10.0	26.3	30.0	45.5	11.7	41.7	65.8
Markah minimum yang didapati oleh 80% pelajar	71	70	70	70	70	75	78

**Jadual 4**  
**Kualiti Pelajar KPLI(SR)**

Mata Pelajaran (N)	Pengkhususan				Ilmu Pendidikan (160)	Praktikum (160)	GERKO (160)
	PJK (39)	TES L (78)	B&K (23)	PSV (20)			
Min	70.6	71.0	77.8	69.4	73.8	75.2	84.0
Sisihan Piawai	4.51	5.07	3.15	3.54	6.89	7.10	4.23
% Memperoleh A	-	6.4	43.5	-	26.3	27.5	88.1
Markah minimum yang didapati oleh 80% pelajar	66	67	68	75	67	70	81

Jadual 3 menunjukkan bahawa prestasi pelajar KPLI(M) yang terbaik adalah dalam GERKO dan praktikum diikuti dengan mata pelajaran pengkhususan dan Ilmu Pendidikan kecuali untuk pelajar pengkhususan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) yang telah menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam Ilmu Pendidikan berbanding dengan prestasi mereka dalam mata pelajaran pengkhususan. Dapatan ini menunjukkan bahawa prestasi pelajar KPLI(M) lulusan MPIK adalah lebih baik dalam amali (GERKO, praktikum) berbanding dengan mata pelajaran teori (mata pelajaran pengkhususan, Ilmu Pendidikan).

Jadual 4 menunjukkan bahawa prestasi pelajar KPLI(SR) yang terbaik juga adalah dalam GERKO dan praktikum diikuti dengan Ilmu Pendidikan dan mata pelajaran pengkhususan kecuali untuk pelajar pengkhususan Bimbingan dan Kaunseling (B&K) yang telah menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam mata pelajaran pengkhususan daripada prestasi mereka dalam Ilmu Pendidikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa prestasi pelajar KPLI(SR) lulusan MPIK juga adalah lebih baik dalam amali (GERKO, praktikum) berbanding dengan mata pelajaran teori (mata pelajaran pengkhususan, Ilmu Pendidikan).

#### 5.4 Kualiti Guru Permulaan: Pangkatan Sijil Perguruan

Jadual 5 menunjukkan peratus pelajar KPLI(M) dan KPLI (SR) yang telah mendapat sijil cemerlang, kepujian serta pangkat lulus. Pangkat sijil perguruan ini telah ditentukan oleh PMGT bersama syarat-syarat tertentu tentang prestasi dalam praktikum dan GERKO.

**Jadual 5**  
**Kualiti Pelajar: Pangkatan Sijil Perguruan**

Pangkat Sijil Perguruan	Peratus Pelajar (N)	
	KPLI (M) (120)	KPLI (SR) (160)
Cemerlang	43.3 (52)	41.9 (67)
Kepujian	55.8 (67)	53.8 (86)
Lulus	0.8 (1)	4.4 (7)

Jadual 5 menunjukkan bahawa kualiti guru KPLI adalah sangat memuaskan; lebih daripada 40% daripada pelajar itu telah berjaya mendapat sijil cemerlang. Kualiti guru KPLI (M) adalah agak sama dengan kualiti guru KPLI (SR). Walau bagaimanapun lebih ramai (43.3%) guru KPLI(M) telah mendapat sijil cemerlang berbanding dengan 41.9% daripada guru KPLI(SR) yang telah berjaya membuat demikian.

Pangkat sijil perguruan telah dianalisis lagi dengan menentukan korelasi yang didapati antara pangkat tersebut dengan mata pelajaran/ komponen latihan yang terpilih. Tujuan analisis ini adalah untuk menentukan pentafsiran yang terbaik untuk pangkat sijil perguruan yang telah dianugerahkan kepada guru KPLI. Jadual 6 menunjukkan nilai Spearman rho yang diperolehi untuk setiap mata pelajaran/ komponen latihan yang dikaji.

**Jadual 6**  
**Kualiti Guru: Tafsiran Sijil Perguruan**

Pelajar	Korelasi dengan Pangkatan Sijil Perguruan (Spearman Rho)			
	Pengkhususan	Ilmu Pendidikan	Praktikum	GERKO
KPLI (M)	0.78	0.74	0.52	0.09
KPLI (SR)	0.74	0.74	0.57	0.30
KPLI	0.74	0.73	0.53	0.20

Dalam Jadual 6, nyata bahawa korelasi tinggi didapati untuk mata pelajaran pengkhususan dan Ilmu Pendidikan sahaja. Dapatan ini menunjukkan bahawa pangkat sijil perguruan MPIK (cemerlang, kepujian, lulus) lebih merupakan suatu indikator akademik (teori) daripada indikator penguasaan amali. Guru KPLI yang telah mendapat

sijil cemerlang merupakan pelajar yang cemerlang dalam mata pelajaran akademik iaitu mata pelajaran pengkhususan dan Ilmu Pendidikan. Mereka tidak semestinya guru yang terbaik kohort itu dalam GERKO dan praktikum.

## **6. Kualiti Guru Permulaan dan Isu Berbangkit**

Kualiti guru KPLI lulusan MPIK, iaitu guru KPLI (M) dan KPLI (SR), adalah sangat memuaskan dari segi prestasi mereka dalam mata pelajaran pengkhususan, Ilmu Pendidikan, praktikum dan GERKO. Prestasi pelajar KPLI tersebut adalah lebih baik dalam amali berbanding dengan mata pelajaran akademik (teori). Walau bagaimanapun guru yang cemerlang dalam amali tidak semestinya mereka yang cemerlang juga dalam mata pelajaran akademik (teori). Mereka yang cemerlang dalam amali juga tidak semestinya mereka yang telah dianugerahkan sijil perguruan cemerlang. Mereka yang menerima sijil perguruan cemerlang adalah pelajar yang cemerlang dari segi akademik.

### **6.1 Isu #1: Pentafsiran Sijil Perguruan**

Sijil perguruan cemerlang telah dianugerahkan kepada pelajar yang cemerlang dari segi teori (mata pelajaran pengkhususan dan Ilmu Pendidikan); mereka tidak semestinya cemerlang juga dalam aspek amali (praktikum dan GERKO). Isunya ialah apabila pelajar sampai ke sekolah, mereka akan dinilai dari segi amali lebih daripada penguasaan teori kerana amali adalah perkara yang lebih ketara atau eksplisit daripada penguasaan teori. Adakah pihak sekolah akan mempertikaikan sijil perguruan cemerlang MPIK; adakah mereka akan mendapati bahawa pelajar cemerlang kita bukan guru permulaan yang cemerlang?

Justeru, usaha perlu diambil untuk meningkatkan kualiti guru permulaan dalam aspek amali khususnya mereka yang cemerlang dalam aspek teori (dan telah memperoleh sijil cemerlang) supaya mereka cemerlang juga dalam aspek amali iaitu praktikum dan GERKO.

- Lebihkan peluang membuat amali semasa kuliah melalui aktiviti simulasi, pengajaran mikro dan makro.
- Lebihkan contoh, tugas, kerja kursus serta soalan peperiksaan berasaskan realiti dan amalan dalam bilik darjah
- Bimbingan praktikum yang lebih rapi dan berkualiti
- Bimbingan GERKO yang lebih rapi dan berkualiti

Secara ringkas, maktab perguruan perlu lebihkan peluang untuk kerja amali. Latihan perguruan harus lebih berfokus kepada pengajaran suatu mata pelajaran lebih daripada mata pelajaran itu sendiri, contohnya, pengajaran Bahasa Inggeris dan bukannya Bahasa Inggeris.

## 6.2 Isu #2: Asas Teori Yang Kukuh

Cadangan di atas mungkin tidak sehaluan dengan dapatan bahawa prestasi pelajar KPLI adalah lebih baik dalam amali berbanding dengan teori. Pelajar tersebut kelihatan memerlukan lebih input dan bimbingan dalam teori; tetapi adakah latihan itu merupakan bidang latihan perguruan kita di maktab perguruan? Wajarkah kurikulum KPLI memihak kepada mata pelajaran pengkhususan? Tindakan perlu diambil supaya masa latihan yang terhad semasa KPLI digunakan sepenuhnya untuk latihan perguruan dan bukannya untuk pengajaran mata pelajaran sekolah.

- KPLI perlu berubah daripada suatu kursus *conversion* kepada kursus perguruan bukan-*conversion*. Justeru, pengambilan pelajar KPLI perlu dibuat dengan memastikan pelajar itu adalah siswazah dalam bidang atau mata pelajaran pengkhususan KPLI, iaitu siswazah Linguistik atau Kesusasteraan Bahasa Inggeris sahaja dipilih untuk KPLI Pengajian Inggeris.

## 6.3 Isu #3: Program Induksi Untuk Guru Permulaan

Program KPLI adalah pendek. Dalam masa setahun, pelajar didedahkan kepada pengalaman di sekolah selama 12 minggu sahaja. Dalam masa terhad itu, latihan pelajar KPLI adalah sampai ke tahap bersedia mengajar, tetapi masih memerlukan bimbingan. Adakah wajar maktab membiarkan pelajar tersebut mencari bimbingan itu masing-masing di sekolah? Guru permulaan kerap kali dibiarkan “*sink or swim*” (Renard, 2003) dan situasi ini didapati mengakibatkan keciciran guru permulaan. Untuk mengatasi masalah kehilangan guru ini, Feiman-Nemser (2003) telah mencadangkan program induksi untuk guru permulaan sebagai suatu proses pembudayaan (*enculturation*). Feaster (2002) dan Wesley (2003) pula mencadangkan pengwujudan sistem pementoran semasa induksi. Stansbury dan Zimmerman (2002) berpendapat bahawa program induksi merupakan talian hayat (*life line*) bagi guru permulaan di sekolah.

- Program induksi untuk guru permulaan perlu dimulakan untuk membantu, membimbing dan memotivasikan guru-guru yang baru ditempatkan di sekolah untuk memulakan kerjaya mereka dalam profesion keguruan.
- Program induksi boleh dijalankan sebagai usahasama antara pihak sekolah dan maktab perguruan.

## 7 Kesimpulan

Laporan ini adalah terhad kepada sampel pelajar MPIK lulusan KPLI 2004 sahaja. Kajian ini telah menunjukkan bahawa kualiti guru permulaan (apabila mereka menamat latihan perguruan di MPIK) adalah pada tahap memuaskan. Walau bagaimanapun usaha perlu di ambil dalam dua aspek penting iaitu pengambilan calon atau pelajar yang sesuai dan fokus kurikulum dalam latihan perguruan kepada pedagogi untuk mempertingkatkan lagi kualiti guru permulaan tersebut.



**Rujukan:**

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). Bahagian Pendidikan Guru. *Manual Kualiti MS-ISO 9001-2000*.
- Alicias, E.R. Jr. (2005). Towards an objective evaluation of teacher performance: The use of variance partitioning analysis. *Educational Policy Analysis Archives*, 13 (30) Available at <http://epaa.asu.edu/epaa/>
- Feaster, R. (2002). Mentoring the new teacher. *Journal of School Improvement*, 3 (2), Available at <http://www.ncacas.org/jsi/2002v3i2/titlepage.adp>
- Feiman-Nemser, S. (2003). What new teachers need to learn. *Educational Leadership*, 60 (8), 25-29. Available at <http://www.readingmatrix.com>
- Renard, L. (2003). Setting new teachers up for failure...or success. *Educational Leadership*, 60 (8), 62-64. Available at <http://www.readingmatrix.com>
- Stansbury, K. and Zimmerman, J. (2002). Smart induction programs become lifelines for the beginning teacher. *Journal of Staff Development*, 23 (4), 10-17.
- Wesley, D.C. (2003). Nurturing the novices. *Phi Delta Kappan*, 84 (6), 466-467.